

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH : 16 MAC 2016 (RABU)

SOALAN :

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini projek "*Tanjong Agas Oil and Gas Supply Base*" dan "*Karumbunai Eco-Resort*" dan juga "*Facilitation Fund*" yang telah dibelanjakan ke atas kedua-dua projek ini.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Projek '*Tanjong Agas Oil and Gas Supply Base*' merupakan projek di bawah Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan dipantau oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Kerajaan telah menyalurkan sejumlah RM448.09 juta menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE II) & RMK 10 (Rolling Plan Kedua) bagi tujuan pembangunan infra asas projek dan sehingga kini, pembangunan infra asas projek telah siap sepenuhnya kecuali sistem bekalan elektrik dan air yang dijangka siap pada Ogos 2016.

Projek '*Karumbunai Eco-Resort*' pula, masih belum bermula buat masa ini kerana terdapat isu pemilikan tanah yang perlu diselesaikan. Bantuan Dana Mudahcara '*Facilitation Fund*' pernah dipohon bagi projek ini pada tahun 2010, walau bagaimanapun Kerajaan belum meluluskan permohonan tersebut kerana pada masa itu projek masih lagi di peringkat konsep.

Sekian, terima kasih.